

17/12/2003

Cukai kereta import diumumkan akhir bulan

Kadir Dikoh

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau akan mengumumkan struktur cukai baru bagi kereta import menjelang akhir bulan ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun enggan mengulas mengenai laporan bahawa Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) memohon supaya kerajaan memanjangkan tempoh perlindungan kepadanya bagi tempoh 20 tahun lagi.

"Saya tak nak komen mengenainya sekarang kerana ia belum sampai kepada saya secara rasmi.

"Mengenai kereta import dan apakah duti eksais yang kita putuskan, saya akan mengeluarkan kenyataan berasingan menjelang akhir tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Rundingan Kumpulan Industri Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) 2003 di ibu negara, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar The Asian Wall Street Journal minggu lalu yang memetik sumber industri sebagai berkata, Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff sudah menghantar surat kepada Abdullah bulan lalu bagi meminta kerajaan memberikan perlindungan tarif kepada syarikat itu bagi tempoh 20 tahun lagi.

Mengikut laporan itu, Mahaleel juga meminta Proton dikecualikan daripada semua duti import dan cukai eksais serta memohon peruntukan kerajaan untuk program penyelidikan dan pembangunan.

Ketika ini, duti eksais hanya dikenakan terhadap kenderaan yang dikeluarkan di negara ini termasuklah yang dihasilkan oleh Proton.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 September lalu, berkata kerajaan akan mengenakan duti eksais terhadap kereta yang diimport apabila duti import yang dikenakan sekarang dikurangkan mulai 1 Januari 2004.

Ia bagi mengurangkan kesan pengurangan pendapatan kerajaan.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menetapkan kadar duti eksais yang akan dikenakan itu.

Pengurangan duti import itu adalah sejajar pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) untuk automotif dengan kenderaan keluaran Asean dikenakan duti import hanya antara sifar hingga lima peratus.

Ketika ini, duti import untuk kereta penumpang yang diimport adalah antara 140 peratus hingga 300 peratus, tetapi tiada duti eksais.

Kereta penumpang yang dikeluarkan di dalam negara pula dikenakan duti eksais antara 25 peratus hingga 65 peratus.

Pengenaan duti eksais bagi barangan import tidak bercanggah dengan Afta dan beberapa negara Asean juga mengenakan duti berkenaan.

Difahamkan, penetapan struktur kadar duti eksais bagi kereta import itu membabitkan Kementerian Kewangan (MoF) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), yang mana Miti akan menguruskan hal berkaitan industri, manakala MoF pula yang berkaitan cukai.

Menerusi liberalisasi sektor automotif dalam Afta, Proton dijangka menghadapi persaingan yang lebih sengit daripada pengeluar asing yang mengadakan kemudahan pengeluaran di Asean dan menawarkan harga kompetitif.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003, pendapatan Proton jatuh 10 peratus kepada RM9.3 bilion dan habuan pasarannya merosot kepada 58 peratus daripada 63 peratus sebelumnya.

Bulan lalu, Proton mengumumkan kejatuhan 41 peratus keuntungannya bagi tempoh suku kedua berakhir 30 September lalu, berpunca daripada kemerosotan jualan dan saingan sengit jenama kereta Jepun serta Korea.